

25 MAR 2001

Mahathir-Peruntukan

PUSAT ADIL KEPADA SEMUA NEGERI, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat sentiasa berlaku adil kepada semua negeri termasuk yang diperintah oleh pembangkang dalam mengagihkan peruntukan pembangunan.

Perdana Menteri berkata ini membuktikan kesungguhan kerajaan pusat untuk memajukan semua negeri secara sama rata.

Ketika merasmikan upacara pecah tanah Kompleks Pentadbiran Persekutuan di Teluk Likas hari ini, beliau berkata : "Bagaimanapun, masalahnya ialah ada kerajaan negeri yang diperintah oleh sebuah kerajaan yang tidak sama dengan parti kita cuba mempolitikkan sumbangan yang diberikan oleh kerajaan pusat.

"Mereka kata...lihat walaupun negeri kita bukan diperintah oleh parti pemerintah kerajaan pusat, kita masih dapat hak kita.

"Apabila ia dipolitikkan, kerajaan pusat agak sukar untuk membantu. Sebaliknya jika ada kerjasama yang erat antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat maka apa juga peruntukan pembangunan yang diberikan tidak akan dipolitikkan."

Dengan adanya hubungan yang baik, banyak pembangunan dapat dilaksanakan untuk kebaikan rakyat, katanya.

"Tidak lama dulu hubungan kerajaan negeri Sabah dan kerajaan pusat tidaklah begitu baik. Oleh kerana itu, tidak ada pembangunan yang ketara yang dapat dilihat.

"Malah apabila ada pemimpin dari kerajaan pusat melawat ke sini, mereka tidak dilayan dengan baik tetapi keadaannya sekarang telah berubah," katanya.

Dr Mahathir berkata sejak kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri, pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan termasuk penubuhan Universiti Malaysia Sabah.

"Ini mencerminkan hubungan baik kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Kadang-kadang peluang ini tidak wujud kalau kerajaan negeri dan kerajaan pusat diwakili oleh parti yang berlawanan," katanya.

Perdana Menteri berkata pegawai-pegawai kerajaan dari negeri lain diterima baik di Sabah dan mereka turut berasa selesa.

Beliau berkata pembinaan Kompleks Pentadbiran Persekutuan itu merupakan satu simbol hubungan erat antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

"Saya berharap hubungan yang terjalin antara kerajaan Sabah dan kerajaan pusat ini akan berkekalan," katanya.

Kompleks Pentadbiran Persekutuan yang berharga lebih RM100 juta itu terletak di kawasan tanah seluas sembilan hektar bersebelahan bangunan kampus Universiti Malaysia Sabah.

Pada masa ini, terdapat 60 jabatan dan agensi persekutuan serta 30 badan berkanun pusat yang beroperasi di sekitar Kota Kinabalu.

Sebahagian daripada jabatan itu ditempatkan di dua buah bangunan milik kerajaan Persekutuan -- Rumah Persekutuan di Sembulan dan Wisma Dang Bandang -- manakala selebihnya menyewa di bangunan KWSP dan premis-premis swasta.

-- BERNAMA

NT MAI